

29/01/1997

Kelantan cadang banyakkkan pusat rekreasi

KOTA BHARU, Selasa - Kerajaan Pas Kelantan mencadangkan lebih banyak pusat rekreasi dan taman diwujudkan sebagai alternatif kepada kewujudan pusat hiburan yang boleh mendedahkan golongan muda kepada kegiatan maksiat dan tidak bermoral.

Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman, berkata pihaknya sendiri mengambil daya usaha mewujudkan pusat rekreasi itu bagi memastikan anak muda dapat berehat dan menenangkan fikiran secara lebih terarah.

Kegiatan hiburan berlebihan pula memang sudah disekat di negeri ini dengan memastikan orang Islam tidak dibenarkan memasuki pusat hiburan, sejak Pas mengambil alih teraju pemerintahan pada 1990.

"Hanya kegiatan hiburan ringan seperti karaoke dibenarkan kepada bukan Islam," katanya selepas majlis tadarus Quran dan berbuka puasa bersama saudara baru, di sini malam tadi.

Hadir sama Exco kerajaan negeri, Daud Muhammad dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Islam Kelantan (JHEIK), Hashim Bani Abdul Hamid.

Beliau diminta mengulas kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub yang meminta semua Menteri Besar dan Ketua Menteri mengambil tindakan tegas terhadap pusat hiburan yang gagal mematuhi syarat operasi supaya ia tidak terus menjadi pusat berkembangnya gejala liar di kalangan remaja.

Langkah itu selaras arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 11 Januari lalu.

Abdul Halim berkata, "Kerajaan negeri memang sudah lama mengambil langkah dengan menutup pusat hiburan kepada orang Islam," katanya.

(END)